

Utusan Malaysia: 16/6/2005

Dr. M mahu rakyat maju pelbagai bidang

KUALA LUMPUR 15 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamed mahu rakyat Malaysia 'menjadi bangsa yang maju dalam pelbagai bidang bagi menarik minat bangsa asing datang ke negara ini untuk menimba ilmu serta mempelajari bahasa Malaysia.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kebanyakan orang asing datang dan belajar di sesebuah negara kerana kemajuan yang dicapai oleh bangsa tersebut.

"Kalau kita lihat, bangsa asing akan datang untuk belajar di sesebuah negara termasuk bahasa kebangsaan bangsa itu kerana kemajuan yang dicapai.

"Kedatangan bangsa asing itu untuk belajar terutama bahasa bukan kerana tekanan atau desakan tetapi atas prinsip bangsa di negara itu telah maju," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2004, di sini malam ini.

Dr. Mahathir juga meminta rakyat negara ini menggalakkan para pegawai dagang yang berkhidmat di Malaysia mempelajari bahasa Malaysia.

Tegasnya, ia perlu dilaksanakan kerana kalau dilihat para pegawai dagang yang telah berkhidmat di negara ini selama 10 hingga 15 tahun masih tidak tahu bertutur bahasa Malaysia.

Mengenai Hadiah Sastera Kumpulan Utusan, Dr. Mahathir mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Utusan dan ExxonMobile kerana dapat mengadakan hadiah tersebut yang diharapkan dapat dikekalkan selama-lamanya demi mencungkil lebih ramai bakat muda dalam penulisan.